



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA LANGKAWI**  
KM 4, JALAN AIR HANGAT,  
MUKIM KUAH,  
07000 LANGKAWI,  
KEDAH DARUL AMAN.



Tel: Pej. Am : 04-9698201/8204/9698200(DL)  
Faks : 04-9664528  
Email: [informrsm\\_langkawi@mara.gov.my](mailto:informrsm_langkawi@mara.gov.my)

**Kepada:**

**Semua Ibu Bapa / Penjaga Pelajar Ting. 5 2020**  
**Maktab Rendah Sains Mara Langkawi**

Bil. Kami: MRSM (LGK)/193-15 ( )

Tarikh ; 06 Jun 2021

25 Syawal 1442H

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/Puan,

### **KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) TAHUN 2020**

Dengan segala hormatnya Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh **4 Jun 2021** adalah dirujuk.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020 akan diumumkan pada **10 Jun 2021 (Khamis)** mulai pukul **10.00 pagi**.

Calon sekolah boleh membuat semakan keputusan melalui kaedah berikut:

- i. Secara dalam talian di pautan **myresult1.moe.gov.my** atau **myresult2.moe.gov.my** untuk mendapatkan keputusan penuh; dan / atau
- ii. Menerusi perkhidmatan **SMS** untuk mendapatkan ringkasan keputusan SPM 2020 dengan menaip **SPM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran** dan **hantar ke 68886**. Perkhidmatan ini akan diaktifkan mulai pukul **10.00 pagi** pada **10 Jun 2021** sehingga pukul **6.00 petang** pada **17 Jun 2021**.

Bagi calon yang tidak mempunyai capaian internet, tuan / puan boleh memaklumkan kepada pihak maktab agar pihak maktab dapat mencari kaedah yang sesuai untuk calon mendapatkan keputusan peperiksaan.


Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“LUAR BANDAR SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**HJ. FAZLI BIN ABU BAKAR**  
Pengetua  
Maktab Rendah Sains MARA  
Langkawi.